

Ruj. Kami : ST(IP/JKSK/UKLE)19/02/1 (5)
Tarikh : 31 Mei 2022



SEMUA
Pengilang & Pengimport
Kelengkapan Elektrik

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

PEMAKLUMAN: TARIKH PENGUATKUASAAN LARANGAN PENGIMPORAN DAN PENGELUARAN ALAT PENYEJUKBEKUAN DAN PENYAMAN UDARA BERASASKAN HIDROFLUOROKARBON (HCFC) - KEPERLUAN TAMBAHAN BAGI PERMOHONAN *CERTIFICATE OF APPROVAL (COA)* DAN SURAT PELEPASAN (RL) BAGI KELENGKAPAN *REFRIGERATOR, AIR-CONDITIONER* DAN *WATER DISPENSER*

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada webinar anjuran Jabatan Alam Sekitar (JAS), Suruhanjaya Tenaga (ST), Dagang Net Technologies (DNT), pengilang dan pengimport kelengkapan elektrik pada 24 Mac 2022 mengenai perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa pihak pengurusan tertinggi ST telah bersetuju untuk bekerjasama dengan pihak JAS dalam melaksanakan larangan pengimportan dan pengeluaran ke atas kelengkapan penyejukbekuan dan penyaman udara berasaskan HCFC melalui integrasi sistem e-Kelengkapan ST dan sistem e-Permit JAS dimana kerjasama ini dapat membantu negara mencapai obligasi di bawah Protokol Montreal iaitu menghapuskan penggunaan HCFC pada tahun 2040 sebagaimana yang telah digariskan di dalam Program Pengurusan Penghapusan HCFC / HCFC *Phase-Out Management (HPMP)*.

3. Untuk maklumat tuan/puan, selaras dengan penguatkuasaan Peraturan Kualiti Alam Sekeliling Pengurusan Refrigeran (2020) yang berkuatkuasa pada 1 Jun 2020 serta komitmen negara di bawah Protokol Montreal, semua permohonan COA samada baru atau pembaharuan untuk mengilang, mengimport, menjual, mempamer atau mengiklan dan permohonan RL bagi kelengkapan yang disenaraikan seperti

LAMPIRAN 1 hendaklah mengemukakan surat kelulusan JAS sebelum permohonan COA dibuat melalui sistem e-Permit. Adalah diingatkan bahawa tarikh penguatkuasaan penuh bagi pelaksanaan keperluan bagi kelengkapan tersebut adalah enam (6) bulan daripada tarikh surat pemakluman ini dikeluarkan.

4. Sehubungan dengan itu, diharapkan agar pihak tuan/puan mengambil tindakan sewajarnya bagi tujuan permohonan COA untuk mengilang, mengimport, menjual, mempamer atau mengiklan dan permohonan RL bagi kelengkapan yang terlibat. Untuk maklumat lanjut mengenai prosedur permohonan Surat Kelulusan JAS, boleh menghubungi **Pn. Nurhusna Najwa Hussin** di talian 03-8871 2344 atau emel ke najwa@doe.gov.my. Manakala pertanyaan mengenai permohonan COA ST boleh menghubungi **En. Ahmad Hilmi Yusof** di talian 03-8870 8628 atau emel ke ahmadhilmi@st.gov.my.

Sekian, terima kasih.



Ir. HJ. MD. ZAKUAN BIN HJ. IBRAHIM
Pengarah
Jabatan Kawal Selia Keselamatan
Suruhanjaya Tenaga

- S.k.:
1. Ketua Pegawai Eksekutif
Suruhanjaya Tenaga
 2. Ketua Pegawai Operasi
Suruhanjaya Tenaga
 3. Pengarah
Jabatan Penguatkuasaan & Operasi Kawasan
Suruhanjaya Tenaga
 4. Pengarah
Jabatan Perancangan & Komunikasi Strategik
Suruhanjaya Tenaga
 5. Pengarah
Bahagian Udara
Jabatan Alam Sekitar
Kementerian Alam Sekitar dan Air
Aras 1-4, Podium 2 & 3, Wisma Sumber Asli
No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4
62574 Putrajaya

6. Pengarah Urusan
SIRIM QAS International Sdn Bhd
1, Persiaran Dato' Menteri
Seksyen 2, 40000 Shah Alam, Selangor
7. Head, Trade Facilitation
Dagang Net Technologies Sdn Bhd
Tower 3, Avenue 5, The Horizon,
Bangsar South, No. 8, Jalan Kerinchi
59200 Kuala Lumpur
8. Pengerusi
Malaysian Air-Conditioning & Refrigeration Association (MACRA)
Suite 17-08, 17th Floor, Wisma Zelan
No.1 Jalan Tasik Permaisuri 2
Bandar Tun Razak, Cheras
56000 Kuala Lumpur
9. Pengerusi
Persatuan Pengedar Kelengkapan Elektrik Malaysia (MEADA)
6th Floor (Right Wing), Menara Uni-Asia
1008 Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur.

A. PERMOHONAN BARU & PEMBAHARUAN COA

Bil.	NAMA KELENGKAPAN	TARIKH PEMAKLUMAN	TARIKH BERKUATKUASA
1.	REFRIGERATOR (N16): <ul style="list-style-type: none"> • Refrigerator; • Freezer; • Minibar; dan • Chest Freezer 		
2.	AIR-CONDITIONER (COOLING CAPACITY OF 32,000 BTU/HR AND BELOW) (N30): <ul style="list-style-type: none"> • Split Air-Conditioner; • Portable Air Conditioner; dan • Ceiling Air Conditioner 	31 Mei 2022	1 Dis. 2022
3.	KETTLE (N12): <ul style="list-style-type: none"> • Water Dispenser – Cold; • Water Dispenser – Hot and Cold (if the hot water boils); • Water Dispenser – Hot and Cold (if the hot water does not boils); dan • Water Dispenser – Hot and Cold (if the water heater is instantaneous and the water does not boils) 		

B. PERMOHONAN SURAT PELEPASAN

Bil.	JENIS SURAT PELEPASAN	CATATAN
1.	Surat Pelepasan bagi Kelengkapan Kawalan:	
	1.1 Kajian Kilang	Perlu kelulusan JAS
	1.2 Kajian Kualiti	Perlu kelulusan JAS
	1.3 Kegunaan Khas – Pengujian SIRIM	Tidak perlu kelulusan JAS
	1.4 Transit	Tidak perlu kelulusan JAS
	1.5 Import komponen untuk pasaran tempatan	Tidak perlu kelulusan JAS
	1.6 Import komponen untuk 100% eksport	Tidak perlu kelulusan JAS
	1.7 <i>Re-work</i> dan <i>Re-eksport</i>	Tidak perlu kelulusan JAS
	1.8 Konsert	Perlu kelulusan JAS
2.	<p>Surat Pelepasan bagi Kelengkapan Bukan Kawalan di bawah kategori berikut:</p> <p>REFRIGERATOR (N16):</p> <ul style="list-style-type: none"> • <i>Refrigerator;</i> • <i>Freezer;</i> • <i>Minibar; dan</i> • <i>Chest Freezer</i> <p>AIR-CONDITIONER (COOLING CAPACITY OF 32,000 BTU/HR AND BELOW) (N30):</p> <ul style="list-style-type: none"> • <i>Split Air-Conditioner;</i> • <i>Portable Air Conditioner; dan</i> • <i>Ceiling Air Conditioner</i> <p>KETTLE (N12):</p> <ul style="list-style-type: none"> • <i>Water Dispenser – Cold;</i> • <i>Water Dispenser – Hot and Cold (if the hot water boils);</i> • <i>Water Dispenser – Hot and Cold (if the hot water does not boils); dan</i> • <i>Water Dispenser – Hot and Cold (if the water heater is instantaneous and the water does not boils)</i> 	Perlu kelulusan JAS